

Kerajaan Negeri Selangor Hadapi Tindakan Saman Kedua Berhubung Skim Air Percuma
Bernama
19 September, 2012

SHAH ALAM, 19 Sept (Bernama) -- Kerajaan Selangor hari ini menghadapi tindakan saman kali kedua, kali ini daripada 2,020 pengguna air di negeri ini yang menuntut ganti rugi RM1.15 juta atas dakwaan tidak menerima subsidi air percuma seperti dijanjikan dalam manifesto pakatan pembangkang pada pilihan raya umum (PRU) lepas.

Kamarulazman Kamarudin, 37, mewakili 2,019 pengguna air lain dari kawasan Shah Alam dan Petaling Jaya menamakan kerajaan Selangor, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) sebagai defendan.

Saman difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini melalui Tetuan Kamarudin & Partners.

Peguam Kamarudin Ahmad yang mewakili plaintif memberitahu pemberita selepas memfailkan tuntutan itu bahawa saman akan diserahkan kepada semua defendan dalam tempoh seminggu.

Beliau berkata tuntutan itu membabitkan kumpulan kedua pengguna air meter pukal selepas kumpulan pertama membabitkan 711 pengguna air dari kawasan Shah Alam memfailkan tuntutan hampir RM500,000 pada 11 Sept lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695588>